




PANDUAN PELAJAR

Penggunaan laman pembelajaran untuk PDPR

Klik di sini untuk mula belajar sekarang !






KEBERHASILAN PEMBELAJARAN

APA YANG PERLU DILAKUKAN?

- 1 Baca matlamat pembelajaran untuk mengetahui kemahiran dan pengetahuan yang akan dipelajari.
- 2 Seterusnya, selesaikan tugas pertama "Mari Cuba!" untuk menguji pengetahuan semasa anda dengan cepat.



Mengetahui Keberhasilan Pembelajaran dapat membantu anda mengetahui perkara yang perlu difokuskan semasa belajar. Kemudian, lakukan aktiviti pantas untuk mendorong anda rasa teruja atau ingin tahu tentang pelajaran tersebut.



SUMBER PEMBELAJARAN

APA YANG PERLU DILAKUKAN?

1 Tonton video, lihat gambar atau baca artikel (satu persatu) untuk membantu anda memahami pembelajaran.

2 Cuba untuk memeriksa kefahaman anda dengan menjawab soalan yang disediakan.

The smartphone screen shows a learning resource titled "How tiger got its stripes". It asks if the user has read the story and provides a multiple-choice question: "How did tiger get its stripes? Do you think tiger...". The options are: a) got burnt?, b) got tricked?, c) got sick?, d) was painted?. It also suggests reading along with an e-book and checking answers. A second question, "What kind of story is this? How do we know?", is followed by options: a) science fiction, b) folktale, c) fairy tale, d) historical fiction. The video length is listed as 6 min 27 secs, and the credit URL is provided: <https://www.youtube.com/embed/Qe5llpoCoi8>. At the bottom, a video thumbnail for "How the Tiger Got His Stripes ..." is visible.

Anda juga boleh menggunakan soalan refleksi sederhana berikut:


- Apa yang anda lihat / baca?
- Apa yang baru anda pelajari?
- Adakah terdapat perkataan yang anda tidak faham?

AKTIVITI



APA YANG PERLU DILAKUKAN?

- 1 Baca arahan bagi kesemua cabaran. Pilih SATU cabaran untuk diselesaikan.
- 2 Gunakan Sumber Pembelajaran untuk bantu anda melengkapkan cabaran.
- 3 Ulangi sehingga kesemua cabaran lengkap diselesaikan.



Ingat bahawa terdapat aktiviti untuk membantu anda mempraktikkan apa yang telah dipelajari. Adakalanya, cabaran tidak mempunyai jawapan yang betul, ia hanya mahu anda berlatih dan berseronok melakukannya!



KUIZ

APA YANG PERLU DILAKUKAN?

- 1 Muat turun dan log masuk ke aplikasi Launchpad di telefon bimbit anda. Pergi ke “Learn”.
- 2 Cari Subjek, Topik ataupun Kuiz yang bersesuaian untuk diselesaikan.
- 3 Kumpulkan satu Bintang untuk setiap hari yang anda belajar!



Sekiranya jawapan anda tidak betul , cuba semula soalan dengan segera atau cuba semula soalan di akhir kuiz. Adalah lebih baik untuk mencuba semula sekurang-kurangnya dua kali sehingga anda dapat mempraktikkan kemahiran dan pengetahuan sehingga anda menguasainya.






KEKAL BERMOTIVASI UNTUK BELAJAR

DAPATKAN GANJARAN APABILA ANDA BELAJAR DENGAN LAUNCHPAD

Sistem ganjaran yang membantu anda membina tabiat pembelajaran yang konsisten dengan memberi ganjaran kepada usaha harian

- 1** Selesaikan 1 kuiz/pembelajaran sehari & dapatkan Bintang Harian
- 2** Kumpul Bintang Harian setiap hari dalam untuk sebulan
- 3** Dapatkan lencana & ganjaran semakin banyak hari anda belajar
- 4** Tebus ganjaran seperti 10 GB data internet dari rakan kongsi telekomunikasi, Yes





PILIHAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan keperluan pembelajaran anda, anda boleh pilih dan tentukan pelbagai cara untuk belajar menggunakan pembelajaran di dalam FrogSchool kami.



5-15 MINIT

Pembelajaran Pantas



Cuba lengkapkan SATU Sumber Pembelajaran sekiranya anda mahu mengetahui apa yang bakal dipelajari



Cuba lengkapkan SATU Aktiviti untuk menilai diri anda berkaitan topik yang pernah dipelajari



Cuba jawab kuiz untuk mengulangkaji topik!



30 MINIT

Pembelajaran Ringkas

Cuba lengkapkan SATU Sumber Pembelajaran dan SATU Aktiviti untuk mendapat pengenalan kepada sesuatu topik yang spesifik.



60-90 MINIT


Pembelajaran Lengkap

Cuba lengkapkan kesemua pembelajaran sekiranya anda mahu mempelajari topik baru! Anda boleh mencuba setiap langkah, sumber pembelajaran dan menyelesaikan semua aktiviti untuk naik tahap.



TAMAT

Seronok PDPR dengan laman pembelajaran!



Klik di sini untuk mula belajar sekarang !